Sementara itu, Zuraida berkata, beliau berharap persidangan itu memberikan idea lebih baik kepada Malaysia dalam perancangan dan pembangunannya ke arah bandar pintar.

Menurutnya, pihaknya juga akan memulakan dengan lampu diod pemancar cahaya (LED) bagi memastikan jalan tidak lagi bergelap sekali gus meningkatkan tahap keselamatan rakyat dengan kajian rintis di Ampang, Selangor.

Katanya, masyarakat perlu bersedia dengan konsep bandar pintar kerana jika tidak ia hanya akan menyebabkan vandalisme dan membazirkan wang.

"Apabila kita bercakap mengenai tandas pintar di negara lain seperti Jepun dan Korea, ada mangkuk tandas pintar kan, dekat sini kalau letak mangkuk tandas pintar tu habis jahanam.

"Rakyat tidak bersedia. Kita tidak boleh buat apabila kata nak buat, kena pastikan betul-betul seperti saya tekankan dalam jawatankuasa pembangunan, kita perlu menanam semula kebiasaan yang baik sebelum kita ingin memperkenalkan teknologi baru ini," katanya.